



SIARAN MEDIA
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

**RM3.1 JUTA BERJAYA DIKUTIP! 2,472 PEMINJAM BERPELUANG
MENANG HADIAH MENARIK SEMPENA CABUTAN BERTUAH TAHUN
BARU CINA PTPK**

KUALA LUMPUR, 18 Februari 2025 – Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) terus menghargai peminjam dengan menawarkan hadiah menarik menerusi sesi Cabutan Bertuah sempena Perayaan Tahun Baru Cina 2025. Kempen ini bermula dari 10 hingga 31 Januari 2025 telah menerima sambutan luar biasa dengan penyertaan seramai 2,472 peminjam. PTPK juga telah berjaya membuat kutipan bayaran balik sebanyak RM3.1 juta sepanjang kempen tersebut diadakan.

Kempen ini bukan sahaja memberi peluang kepada peminjam untuk memenangi hadiah menarik malah memberikan impak besar kepada usaha PTPK dalam menggalakkan pembayaran balik pinjaman melalui promosi cabutan bertuah sekali gus memastikan kesinambungan dana untuk generasi pelatih TVET akan datang. Tiga hadiah utama menanti para pemenang dengan tempat pertama menerima baucar barangan elektrik dan elektronik bernilai RM1,000 tempat kedua RM700 dan tempat ketiga RM500.

Menurut Timbalan Pengerusi PTPK, YB Rajiv Rishyakaran, "Kejayaan kutipan RM3.1 juta ini membuktikan kesedaran tinggi dalam kalangan peminjam terhadap tanggungjawab mereka. Kami berharap inisiatif seperti ini dapat mendorong lebih ramai peminjam untuk membuat bayaran secara konsisten pada kempen-kempen promosi yang akan datang agar lebih ramai pelajar berpeluang mendapat manfaat pembiayaan TVET."

Cabutan bertuah ini bukan sekadar ganjaran kepada peminjam yang komited tetapi juga mesej jelas kepada masyarakat bahawa membayar balik pinjaman bukan satu beban, malah membuka peluang kepada lebih ramai pelatih untuk membina masa depan dalam bidang kemahiran.

PTPK komited untuk terus memperkenalkan pelbagai kempen promosi seperti yang telah dilancarkan baru-baru ini untuk menarik dan membantu peminjam membuat bayaran balik dengan mudah serta menggalakkan tanggungjawab kewangan yang lebih baik dalam kalangan belia.

-TAMAT-
